



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

TAKLIMAT BERKENAAN AKTA PENGURUSAN SISA
PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007 (AKT 672)

TARIKH / MASA / TEMPAT

05 MAC 2020 (KHAMIS)

2.30PTG

AUDITORIUM MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MENARA BANDARAYA
BANDAR PERDA

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berbahagia Dato' Ir Addnan Bin Mohd Razali

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Roziana Binti Omar

Pengarah (Dasar & Strategik)

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Puan Siti Azulainey Binti Mhd Aslan

Penolong Pengarah

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Encik Oon Lai Kuan

Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal

Bahagian Kerajaan Tempatan

Pejabat Setiasuaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur saya pada hari ini, kerana kita dapat berkumpul bersama-sama dalam Taklimat Berkenaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diadakan di Auditorium MBSP.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berusaha Puan Roziana Binti Omar, Pengarah (Dasar & Strategik) dan Puan Siti Azulainey Binti Mhd Aslan, Penolong Pengarah daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal kerana sudi hadir di majlis ini untuk memberi taklimat berhubung Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Terima kasih juga kepada kesemua Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai-Pegawai Kanan MBSP dan MBPP dan juga pegawai-pegawai daripada Bahagian Kerajaan Tempatan kerana meluangkan masa pada petang ini untuk mendengarkan taklimat pada petang ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,**

MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadi **Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *carbon neutral* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050.** MBSP juga komited untuk bersama bandar raya-bandar raya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat **mengehadkan pemanasan global ke 1.5 °C.**

MBSP juga komited untuk menjadi Bandar Raya Pintar pada tahun 2030 sesuai dengan wawasan *Penang2030*. Sasaran ini adalah sasaran bersama dan saya berharap agar sasaran ini dapat difahami oleh semua penduduk Seberang Perai. Ini bukan omong-omong kosong tetapi ini adalah satu sasaran yang perlu dicapai untuk kesinambungan kehidupan generasi yang akan datang. Bumi semakin tenat dan kita perlu membuat perubahan sekiranya kita mahu anak-anak kita masih dapat menikmati apa yang sedang kita kecapai sekarang.

Saya ingin memaklumkan Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan karbon per kapita sebanyak 16.5% pada tahun

2019 iaitu dengan bacaan sebanyak 6.88 tan CO₂eq seorang berbanding tahun 2015 sebanyak 8.24 tan CO₂eq seorang. Seberang Perai juga telah berjaya mengekang peningkatan pelepasan karbon sebanyak 10,436,480 CO₂eq jika dibandingkan dengan *business as usual* atau jika tiada usaha pengekangan dibuat oleh MBSP. Pencapaian ini telah membolehkan MBSP tersenarai dalam sepuluh bandaraya terbaik di rantau Asia dan antara 100 bandaraya terbaik di dunia oleh *Carbon Disclosure Project (CDP)*.

MBSP telah mewujudkan Pelan Tindakan Bandar Raya Rendah Karbon yang telah menggariskan lima (5) strategi, iaitu Pengangkutan Hijau, Bangunan Hijau, Infrastruktur Hijau, Penghasilan dan Penggunaan Mampan, dan Kehijauan dan Penyerapan. Selain itu, MBSP melalui *Seberang Perai Climate Action Strategy* telah menggariskan sebanyak enam (6) sektor tumpuan untuk diberi penekanan bagi menangani krisis perubahan iklim global iaitu Sektor Sisa dan Ekonomi Sekular untuk mencapai Bandar Sisa Sifar menjelang tahun 2030; Sektor Elektrik untuk mencapai 50% penggunaan tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2030; Sektor Bangunan dan Alam Bina untuk mencapai pembangunan yang dibina berasaskan elemen akreditasi bangunan hijau; Sektor Pengangkutan bagi peningkatan sebanyak 25% penggunaan pengangkutan awam dan basikal; Sektor Pertanian dan Perhutanan untuk memaksimumkan zon pertanian dan perhutanan di Seberang Perai sebagai agen penyerapan

karbon; dan Sektor Industri dan Perniagaan bagi menjalankan perniagaan berpaksikan elemen hijau yang mengurangkan penghasilan karbon

Tahun 2020 semestinya menjanjikan cabaran yang lebih mencabar. Walau bagaimanapun, MBSP sentiasa bersedia dan akan mencari jalan dan tindakan yang terbaik untuk mengatasinya. Antara cabaran yang bakal dihadapi bagi tahun 2020 ialah kebersihan, pembuangan sampah-sampah haram, kesesakan lalu lintas di waktu puncak, banjir, dan anjing liar. Walau bagaimanapun, saya percaya kita dapat mengatasinya dengan sebaiknya. Mudah-mudahan dengan kepimpinan Ahli-Ahli Majlis dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP dengan menghasilkan idea-idea baru untuk penambahbaikan perkhidmatan kita.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,**

Pada 8 Julai 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dikecualikan daripada penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (Akta 672) yang bertujuan untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh negara. Lanjutan daripada keputusan tersebut, MBSP adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap

pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Seberang Perai.

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Bil. 17/2013 pada 5 Jun 2013, telah memutuskan bahawa MBSP mengambil alih keseluruhan Kerja Pembersihan Awam (KPA) dan Perkhidmatan Pelupusan Sampah (PPS) di seluruh Seberang Perai termasuk jalan-jalan negeri yang telah didaftarkan di bawah MARRIS. Susulan itu, mulai 6 Jun 2013, MBSP telah mengambil alih kerja-kerja Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di kawasan Seberang Perai dan melaksanakan sendiri perkhidmatan tersebut secara berperingkat dan pelaksanaan sepenuhnya bermula 1 Julai 2014.

MBSP telah memohon kepada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang pada 10 Julai 2015 untuk menggunakan wang MARRIS bagi membayar kos perkhidmatan memotong rumput di tepi jalan-jalan Negeri. Jabatan Kewangan Negeri melalui surat rujukan JKNPP/04/16/16 Jld. 14 (13) bertarikh 24 Ogos 2015 menjelaskan bahawa tiada halangan bagi MBSP sebagai agensi pelaksana menggunakan Peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang (KOD 57006). Kebenaran ini adalah untuk kerja-kerja penyenggaraan di jalan-jalan Negeri yang didaftarkan dan dikemaskini oleh pihak Jabatan Kerja Raya dalam

sistem MARRIS. Walau bagaimanapun peruntukan MARRIS hanya boleh digunakan untuk perkhidmatan yang di *out source* sahaja.

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 9 Mac 2017 telah meluluskan kertas Cadangan Untuk Melaksanakan Perkhidmatan Kerja Pembersihan Awam (KPA) Jalan Negeri Dan Jalan Perbandaran Dengan Menggunakan Peruntukan MARRIS di Kawasan Seberang Perai Oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Jumlah peruntukan yang dipersetujui adalah tertakluk kepada kadar harga tawaran yang diputuskan oleh Lembaga Perolehan. Berikutan dengan keputusan MMK tersebut, pihak MBSP telah melantik sembilan (9) kontraktor untuk tempoh perkhidmatan selama satu (1) tahun dan tambahan satu (1) tahun berdasarkan prestasi. Tarikh serah tapak dan kuatkuasa kerja-kerja KPA adalah bermula pada 1 Januari 2018. Walau bagaimanapun, penambahbaikan telahpun dibuat bagi mengatasi masalah yang seringkali berbangkit mengenai kualiti kebersihan di tapak dan pada ketika ini pihak MBSP telah pun melantik 21 kontraktor pembersihan MARRIS mengikut KADUN.

Pada ketika ini MBSP mempunyai seramai 2,166 orang kakitangan yang menjalankan kerja-kerja pemungutan sampah dan pembersihan awam di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MBSP dengan kenderaan sebanyak 196 buah untuk keperluan operasi kerja-kerja di lapangan. Pada tahun ini juga MBSP akan membuat pembelian sebanyak RM30juta dan menambah kakitangan di peringkat pembantu awam seramai 300 orang untuk menguatkan dan menambahbaik kerja-kerja di lapangan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa mulai 1 Mac 2020 Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin, Ketua Jabatan Pengurusan Krisis telah ditukarkan ke Jabatan Perkhidmatan Perbandaran untuk memangku jawatan Pengarah Perkhidmatan Perbandaran manakala Encik Mohammad Aidil bin Samsuri, Penolong Pengarah Perkhidmatan Perbandaran telah ditukarkan ke Jabatan Pengurusan Krisis untuk memegang jawatan Ketua Jabatan Pengurusan Krisis. Disamping itu dalam usaha meningkatkan tahap kebersihan dan penjenamaan semula MBSP setelah menjadi bandar raya, MBSP akan menambah sebanyak **309** orang lagi Wira Oren pada tahun 2020.

MBSP juga akan menambah bilangan kenderaan pembersihan sebanyak **97** unit seperti *compactor* **21** unit, *sky lift* **8** unit, *grabber* **12** unit,

jentera *back hoe* 7 unit dan lain-lain. MBSP juga telah menaikan pangkat tiga (3) orang Wira Oren dan 15 orang dari berbagai jawatan.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,**

Taklimat yang akan disampaikan oleh pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara pada hari ini adalah lanjutan daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan (MMK KT) yang telah mengarahkan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang iaitu MBSP dan MBPP untuk mengkaji kebolehlaksanaan Akta 672 di Negeri Pulau Pinang. Diharapkan dengan taklimat yang disampaikan oleh pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (Akta 672) ini akan dapat difahami dengan lebih mendalam supaya dapat dikaji kebolehlaksanaannya di Negeri Pulau Pinang. Segala cadangan dan pendapat yang terhasil dalam sesi taklimat akan diteliti dan dibawa berbincang dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kerjasama daripada Yang Berusaha Puan Roziana Binti Omar, Pengarah

(Dasar & Strategik) dan Puan Siti Azulainey Binti Mhd Aslan, Penolong Pengarah daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal yang sudi hadir memberi taklimat dan penjelasan berhubung Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Saya berharap kerjasama ini tidak hanya setakat ini bahkan akan lebih melimpah ruah pada masa-masa akan datang.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang; Yang Berbahagia Dato' Ir Addnan Bin Mohd Razali, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang; Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Hj Mahmod, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai serta Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, MBPP dan Bahagian Kerajaan Tempatan yang hadir pada hari ini.

MBSP sentiasa menyokong dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sentiasa mengamalkan profesionalisme yang tinggi, melaksanakan tugas tanpa berbelah bagi demi meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai dan menjayakan *Wawasan Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient,

Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi
(*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology
Driven Smart City*).

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, Terima kasih.